




مَجْلِسُ اِسلامِ سِلانْغور
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR
TINGKAT 9 & 10, MENARA UTARA, BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH,
40000 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.
TEL : 03-5514 3400 FAX : 03-5512 4042
Laman Web : www.mais.gov.my E-mail : pro@mais.gov.my



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO. : QMS 01853



ACB 001



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO. : QMS 01853



CERTIFIED TO MS 1900 : 2014
CERT. NO. : QMI 00134

السلامة والسلامة والسلامة

Rujukan Kami :

Tarikh : MAIS.100-9/1/2 JLD 2 (22)
7 Ogos 2026
23 Safar 1448H

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

KENYATAAN MEDIA

KELULUSAN TIGA RANG UNDANG-UNDANG BUKTI KOMITMEN MAIS MEMPERKASA PENTADBIRAN AGAMA ISLAM DAN KEHAKIMAN SYARIAH DI NEGERI SELANGOR

SHAH ALAM - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menzahirkan kesyukuran atas kelulusan tiga rang undang-undang oleh Dewan Negeri Selangor pada 4 hingga 6 Ogos 2026 dalam Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor. Undang-undang yang telah diluluskan ialah Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor (Pindaan) 2026, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 2026 dan Enakmen Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2026.

Kelulusan ketiga-tiga undang-undang ini merupakan satu agenda penting yang diusulkan oleh MAIS bersama dengan Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) dan Jabatan Mufti Negeri Selangor dalam usaha memperkukuhkan pentadbiran agama Islam serta institusi kehakiman Syariah di Negeri Selangor.

Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Pindaan) 2026 memperjelaskan bahawa agama Islam di Negeri Selangor adalah berdasarkan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagaimana yang telah lama diamalkan di negeri ini serta memperuntukkan secara khusus mengenai penubuhan Mahkamah Syariah dalam undang-undang tertinggi Negeri Selangor.

Pindaan kepada Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor ini turut disokong dengan Enakmen Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2026 yang mengawal selia penubuhan, struktur, bidang kuasa dan pentadbiran Mahkamah Syariah di negeri ini. Kedua-dua undang-undang ini memperkukuhkan kedudukan Mahkamah Syariah sebagai sebuah institusi kehakiman yang bebas, berwibawa dan diyakini, di samping melengkapkan struktur empat peringkat Mahkamah Syariah iaitu Mahkamah Utama Syariah sebagai mahkamah tertinggi dalam hierarki Mahkamah Syariah Negeri Selangor, Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah.

Seterusnya, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 2026 bertujuan memperkukuhkan kerangka pentadbiran agama Islam melalui penyediaan punca kuasa statutori yang lebih jelas untuk MAIS melaksanakan perkhidmatan bantuan guaman dan pengantaraan, perkhidmatan penulisan wasiat dan hibah serta bantuan dan perkhidmatan lain bagi membantu dan menyokong kesejahteraan dan pembangunan sosial masyarakat Islam di Negeri Selangor. Pindaan ini juga memperuntukkan kuasa MAIS yang jelas dalam pengurusan dan pembahagian harta pusaka orang Islam dalam menyelesaikan isu harta pusaka beku yang mana ia turut menyokong pelaksanaan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2022. Selain itu, pindaan ini juga turut menyelaraskan tatacara pembuatan fatwa melibatkan isu nasional.

Usaha MAIS mengusulkan ketiga-tiga undang-undang ini ialah suatu komitmen MAIS dalam memperkasa pentadbiran agama Islam di Negeri Selangor. MAIS mengharapkan agar undang-undang ini mampu memberikan manfaat yang besar kepada masyarakat Islam, di samping meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap institusi pentadbiran agama Islam dan sistem kehakiman Syariah di Negeri Selangor.

MAIS merakamkan penghargaan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan rang undang-undang ini dengan teliti dan profesional. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada YB Tuan Dr. Mohammad Fahmi bin Ngah selaku EXCO Agama Islam dan Pembudayaan Inovasi, YB Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor, Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor, YBhg. Dato' Salim bin Soib @Hamid, YAD Tan Sri Dato Setia Mohd Zawawi bin Salleh dan anggota Jawatankuasa Undang-Undang MAIS, YAA Ketua Hakim Syarie Negeri Selangor, pegawai-pegawai MAIS khususnya Timbalan Setiausaha (Operasi) dan Sektor Undang-undang MAIS, JAKESS, Jabatan Mufti Negeri Selangor dan Kamar Penasihat Undang-undang Negeri Selangor serta semua pihak yang telah memberikan komitmen dalam penyediaan dan penelitian ketiga-tiga undang-undang ini.

MAIS akan terus bekerjasama dengan Kerajaan Negeri serta semua agensi berkaitan bagi memastikan pelaksanaan ketiga-tiga undang-undang ini berjalan dengan berkesan demi memperkukuhkan pentadbiran agama Islam serta meningkatkan penyampaian keadilan Syariah di Negeri Selangor.

Terima kasih.



SENATOR DATO' SETIA HAJI SALEHUDDIN BIN SAIDIN
PENGURUSI MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR